21 DISEMBER
2017

BERNAMA

LIPUTAN KHAS
SPECIAL COVERAGE

# TVET MEMPERKASAKAN RAKYAT, MEMAJUKAN NEGARA - SALLEH

KUALA LUMPUR (Bernama) -- Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang dilaksanakan kerajaan Barisan Nasional (BN) mampu memperkasakan rakyat dan membawa Malaysia maju ke hadapan, kata Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Dr Salleh Said Keruak. Merujuk kepada pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengenai perkara sama sebelum ini, Salleh berkata TVET akan menyediakan modal insan berkemahiran tinggi dan menyiapkan belia bagi pasaran buruh sesuai dengan Revolusi Industri 4.0.

"Bagi menjayakan projek berimpak tinggi seperti MRT, Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR), kita amat memerlukan pekerja mahir tempatan. "Perdana menteri sendiri menyatakan transformasi ini penting untuk menyediakan kira-kira 1.5 juta peluang pekerjaan yang memerlukan kelayakan TVET bagi memenuhi keperluan industri negara," kata menteri itu dalam catatan blognya.

Salleh menarik perhatian bahawa dalam pembentangan Bajet 2018, Najib telah mengumumkan peruntukan RM4.9 bilion untuk melaksana dan memperkasa TVET. "Pandangan perdana menteri (mengenai kepentingan TVET) ini betul dan tepat. Di negara maju, mereka mempunyai bilangan pelajar aliran vokasional dan teknikal yang tinggi.

"Jerman misalnya mempunyai 81 peratus tenaga kerja mahir dan daripada jumlah itu, 63 peratus adalah lulusan daripada sistem kolej vokasional dan hanya 18 peratus

lulusan universiti," kata Salleh. Ini, katanya, membolehkan Jerman muncul sebagai negara kaya dan maju kerana sistem TVET ini menjadikan pekerjanya berkemahiran tinggi.

Salleh seterusnya berkata bagi memperkasakan rakyat supaya mempunyai pendapatan tinggi, kerajaan telah menggariskan lima lonjakan transformasi TVET merangkumi:

**- Pertama, melatih dan meningkatkan tenaga mahir tempatan supaya berdaya saing hingga ke peringkat global.**

**- Kedua, memperkukuhkan lagi kerjasama strategik antara TVET awam serta pihak industri.**

**- Ketiga, melahirkan ramai lulusan dalam bidang TVET.**

**- Keempat, melaksanakan geran padanan yang kerajaan memperuntukkan RM4.9 bilion dalam Bajet 2018 bagi tujuan ini.**

**- Kelima, menjenamakan semula institusi TVET menjadi 'TVET Malaysia' untuk menarik rakyat menerima TVET sebagai pendidikan pilihan dan kerjaya masa depan yang lumayan.**

"Marilah kita semua bersatu hati menjulang TVET Malaysia sehingga ke puncak kejayaan bagi merealisasikan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang ingin melihat Malaysia terus maju dan makmur," kata Salleh.

-- BERNAMA